



NOTIS PEMAKLUMAN

PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 3

PENGOPERASIAN AKTIVITI PERNIAGAAN

**KEPADA : SEMUA PEMILIK DAN PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kerajaan telah melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai tindakan kawalan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua aktiviti ibadah di masjid adalah tertakluk kepada kebenaran terhad seperti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri manakala lain-lain aktiviti keagamaan seperti di Rumah Ibadat Bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Senarai aktiviti perniagaan dan lain-lain aktiviti yang **DIBENARKAN BEROPERASI** dan **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI di dalam tempoh PPN Fasa 3** adalah seperti berikut:

SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN BEROPERASI (KEBENARAN BERSYARAT/TERHAD)

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Pusat Diagnostik c) Pusat Bersalin d) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi e) Pusat Dialisis f) Makmal Perubatan	SEPERTI BIASA
2.	Institusi Kewangan a) Perbankan/ATM/CDM b) Insurans/Takaful c) Pasaran Modal yang dlesen, didaftar atau dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia d) Kredit Komuniti/Pengurup Wang/Kiriman Wang	6.00 pagi hingga 12.00 malam
3.	a) Pasar Awam (Majlis Perbandaran Kluang) b) Pasar Awam (Persendirian) c) Pasar Tani Kekal (PTK)	Pasar Awam 6.00 pagi hingga 4.00 petang Pasar Tani Kekal 6.00 pagi hingga 4.00 petang

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
4.	Stesen Minyak *Stesen minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam.	6.00 pagi hingga 12.00 malam
5.	a) Restoran termasuk hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan (Gerai Majlis Perbandaran Kluang) e) Gerai Makan (Berbumbung) f) Kiosk g) Aktiviti Penjajaan h) Penjaja Tepi Jalan/Penjaja Bergerak i) Kenderaan Bersaji (<i>food truck</i>) j) <i>Luton Van</i> * Dine-in dibenarkan dengan syarat : i. Hanya menerima pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala. ii. Pemilik premis perniagaan mesti memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis. iii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja. iv. Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan (ventilation) yang baik. v. Aktiviti dine-in dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 3 – Perdagangan Penedaran. vi. Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun ke bawah untuk dine-in di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.	6.00 pagi hingga 12.00 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
6.	a) Pasar Mini b) Kedai Runcit c) Kedai Serbaneka 24 Jam d) Pemborong Runcit	6.00 pagi hingga 12.00 malam
7.	a) Pajak Gadai b) Ar-Rahnu	8.00 pagi hingga 12.00 malam
8.	Pembinaan/Pembuatan/Kilang a) Kapasiti Pengoperasian adalah Bergantung Kepada Kadar Vaksin Lengkap Pekerja. Bagi Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja :- 80% Kadar Vaksinasi Lengkap Kapasiti Pengoperasian adalah 100% Kurang 80% Kadar Vaksinasi Lengkap Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti sehingga 80% pekerja sahaja. b) Ujian RTK Antigen Ke Atas Pekerja Perlu Dilaksanakan Setiap 2 Minggu Dengan Kos Ditanggung Majikan.	Seperti Biasa
9.	Utiliti a) Air b) Tenaga	SEPERTI BIASA
10.	Kedai Farmasi/Penjagaan Diri	8.00 pagi hingga 12.00 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
11.	<p>a) Kompleks membeli-belah termasuk pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental stores</i> dan semua perkhidmatan perlu serta kemudahan kepada perniagaan/penerima vaksinasi lengkap seperti yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)</p> <p>b) Kedai Dobi/Dobi Layan Diri. Pengusaha perlu memastikan sekurang-kurangnya 1 orang pekerja ditugaskan bagi memantau pelaksanaan SOP yang di tetapkan.</p> <p>c) Kedai Cermin Mata dan Barang Optik.</p> <p>d) Kedai Penjagaan Haiwan Dan Makanan Haiwan.</p> <p>e) Kedai <i>Hardware</i>.</p> <p>f) Bengkel Kenderaan Penyelenggaraan dan Alat Ganti.</p> <p>g) Kedai Telekomunikasi.</p> <p>h) Kedai Menjual Barangan Bayi.</p> <p>i) Kedai Barangan Keagamaan.</p> <p>j) Kedai Input Pertanian (Baja/Racun).</p> <p>k) Pejabat Perkhidmatan Peguam.</p> <p>l) Pesuruhjaya Sumpah.</p> <p>m) Kedai Komputer.</p> <p>n) Kedai Buku/Alat Tulis/Perkhidmatan Photostat.</p> <p>o) Perkhidmatan Perakaunan.</p> <p>p) Pejabat Pengurusan Pemaju Perumahan.</p> <p>*Sila rujuk SOP KPDNHEP PPN Fasa 3 – Perdagangan Pengedaran bagi senarai penuh aktiviti yang dibenarkan</p>	<p>6.00 pagi hingga 12.00 malam</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
12	a) Infrastruktur Telekomunikasi & Digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS). b) E-Dagang dan rantaianya termasuk perkhidmatan e- marketplace, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat. c) Pos dan Kurier	SEPERTI BIASA
13.	Hotel dan <i>Homestay</i> . i. Kebenaran hanya diberikan kepada individu yang telah lengkap vaksin sahaja. ii. Pengusaha hotel dan <i>homestay</i> perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis mesti menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan individu tersebut telah divaksin lengkap.	SEPERTI BIASA
14.	Pertanian, Perikanan Dan Penternakan Termasuk Perkhidmatan Veterinar a) Pengurusan ladang/ sarang burung walit/kuda/loji pemprosesan haiwan/rumah sembelihan/ ternakan/kilang makanan haiwan ternakan/pembekal seperti vaksin/ pengurusan ternakan/kedai haiwan kesayangan (operasi pemindahan ternakan adalah pada waktu malam; b) Kawalan penyakit dan dikawalselia pengeluaran ternakan hidup, input ternakan dan produk berkaitan industri ternakan (termasuk eksport dan import); c) Pengurusan kesihatan, diagnosa penyakit dan rawatan haiwan.	SEPERTI BIASA
15.	Pusat Jagaan Berkediaman a) Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak - kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai. *Dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah kementerian/jabatan atau agensi berkaitan.	SEPERTI BIASA
16.	Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan Dan Komoditi (Kelapa Sawit, Getah, Lada Dan Koko)	SEPERTI BIASA
17.	a) Pengurusan sisa pepejal/ pembentung b) Pembersihan awam/pembersihan premis dan sanitasi	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
18.	<p>Pengangkutan</p> <p>a) Pengangkutan melalui darat, air dan udara.</p> <p>b) Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemungghaan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.</p> <p>c) Kenderaan membawa pekerja seperti bas pekerja dan van pekerja.</p> <p>* Terhad kepada 50% kapasiti kenderaan sahaja.</p>	<p>SEPERTI BIASA</p>
19.	<p>Aktiviti Sukan, Rekreasi & Riadah</p> <p>i. Aktiviti perkelahan dan perkhemahan adalah dibenarkan dalam negeri yang sama dengan syarat telah menerima vaksinasi lengkap .Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.</p> <p>ii. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal yang dilakukan di kawasan terbuka (outdoor) adalah terhad bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja.</p> <p>iii. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (outdoor) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi dengan kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 80% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi bagi aktiviti bersentuhan fizikal. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia di bawah umur 18 tahun bagi melakukan aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.</p> <p>iv. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpul di kawasan tertutup (indoor) adalah terhad bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja.</p> <p>v. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (indoor) dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan dengan kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 80% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi bagi aktiviti bersentuhan fizikal.</p> <p>vi. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia di bawah umur 18 tahun bagi melakukan aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.</p>	<p>6.00 pagi hingga 12.00 malam</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
	<p>vii. Aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal secara berkumpulan yang dilakukan secara terkawal dengan kawalan penyeliaan adalah tertakluk kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan atau tidak melebihi 250 orang dalam satu-satu masa termasuk jurulatih/ instruktur/ ibu bapa (mana-mana yang lebih rendah). Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia di bawah umur 18 tahun bagi melakukan aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat</p> <p>viii. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal peringkat komuniti/ daerah/ negeri/ kebangsaan dengan kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sahaja.</p> <p>ix. Penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan massa dengan kebenaran KBS terhad dengan penyertaan tidak melebihi 250 orang dalam satu-satu masa.</p> <p>x. Penganjuran kejohanan atau pertandingan peringkat antarabangsa mengikut model gelembung sukan tertakluk kepada kebenaran KBS sahaja.</p> <p>xi. Kehadiran penonton/ penyokong ke venue sukan dan rekreasi tertakluk kepada 30% kapasiti kawasan/ tempat duduk atau 10,000 orang (mana-mana yang lebih rendah) terhad bagi individu lengkap vaksin yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.</p>	
20.	<p>Perlombongan dan Kuari</p> <p>a) Ujian RTK Antigen Ke Atas Pekerja Perlu Dilaksanakan Setiap 2 Minggu Dengan Kos Ditanggung Majikan.</p>	SEPERTI BIASA
21.	<p>Tabika/Taska/Tadika/Pusat Jagaan Harian/Pusat Perkembangan Minda</p> <p>i. Dibenarkan bagi ibu/bapa yang bekerja.</p> <p>ii. Operator dan pekerja perlu menerima vaksinasi lengkap sebelum dibenarkan beroperasi.</p>	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
22.	<p>Pasar Malam/Pasar Pagi/Pasar Minggu/Pasar Tani/Bazar <i>Uptown</i></p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya warganegara Malaysia yang memiliki lesen perniagaan yang sah dibenarkan bekerja dan menjalankan aktiviti perniagaan. ii. Peniaga di setiap pasar perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bersama dengan melantik seorang ketua dan minimum 4 orang ahli jawatankuasa untuk menyelaras pengurusan pematuhan SOP dan sekiranya diperlukan membuat jadual penggiliran peniaga. iii. Peniaga perlu memakai sarung tangan dan pelitup muka ketika menjalankan perniagaan. iv. Peniaga perlu memastikan jarak di antara gerai ke gerai minimum 2 meter. v. Lokasi kawasan perlu terbuka dan berpagar (tali merah putih/kuning) bagi mengawal lalu lintas keluar masuk secara sehalu. vi. Peniaga dan pengunjung diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera. vii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan pemeriksaan suhu badan dan pesanitasi tangan disediakan di pintu masuk. viii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan hanya pelanggan yang telah lengkap Vaksinasi sahaja dibenarkan masuk dan mesti menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi Covid -19. ix. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan jumlah maksimum pengunjung yang telah ditetapkan dipatuhi melalui sistem nombor giliran. x. Peniaga makanan hanya dibenarkan menjual makanan secara bawa pulang (takeaway). xi. Warga emas, kanak-kanak dan golongan berisiko tinggi tidak digalakkan berada di dalam kawasan pasar. xii. Satu keluarga dibenarkan hadir dengan jumlah maksimum 2 orang pada satu masa. Walau bagaimanapun, kehadiran satu orang bagi satu keluarga adalah sangat digalakkan. 	<p>Pasar Malam/Bazar <i>Uptown</i> 4.00 petang hingga 10.00 malam</p> <p>Pasar Minggu 6.00 pagi hingga 11.00 pagi</p> <p>Pasar Pagi 6.00 pagi hingga 11.00 pagi</p> <p>Pasar Tani 6.00 pagi hingga 11.00 pagi</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
23.	<p>Kemudahan Kepada Penerima Vaksinasi Lengkap</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kedai cuci kenderaan 2) Kedai elektrik dan elektronik 3) Kedai barangan rumah dan peralatan dapur, termasuk kedai langsir, kedai kunci dan kedai jubin 4) Kedai perabot 5) Kedai peralatan sukan 6) Kedai aksesori kenderaan 7) Pusat pengedaran dan jualan kenderaan 8) Kedai pakaian, fesyen dan aksesori, termasuk kedai jam, kedai kasut/beg/stoking/topi/selipar, kedai kain dan kedai jahit 9) Kedai barang kemas 10) Kedai gunting rambut dan pusat/ salun kecantikan 11) Panggung wayang (Terhad kepada 50% di ruang dewan tayangan) 12) Kedai Bunga/ Nurseri 13) Kedai peralatan <i>outdoor</i> <ol style="list-style-type: none"> i. Kedai alatan perkhemahan ii. Kedai alatan memancing 14) Galeri Perumahan (<i>showroom</i>) 15) Kedai barang fotografi/perkhidmatan fotografi 16) Kedai barangan terpakai 17) Kedai kraftangan dan cenderahati 18) Kedai antik 19) Kedai alat permainan 20) Kedai permaidani 21) Kedai kandungan kreatif/peralatan industri kreatif 22) Kedai kosmetik/penjagaan kulit/minyak wangi 23) Kedai tembakau 24) Syarikat pengendali pelancongan (Tertakluk kepada SOP Gelembung Pelancongan Domestik Pulau Langkawi) 25) Gimnasium dan Studio Kecergasan (Tertakluk kepada SOP KBS dan MKN) <ol style="list-style-type: none"> i. Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis mesti menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. ii. Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. 	<p style="text-align: center;">8.00 pagi hingga 12.00 malam</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
24.	<p>Industri Kreatif</p> <p>I. Semua penggiat industri kreatif yang telah lengkap divaksin dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung. ii. Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan dengan kehadiran penonton yang telah lengkap vaksin dengan kapasiti penonton 70% di ruang studio. iii. Penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio tanpa penonton. iv. Busking. v. Persembahan di lounge hotel dibenarkan dengan penjarakan fizikal. vi. Aktiviti persembahan langsung seperti seni teater, muzikal, muzik dan komedi (secara pra-daftar) dengan penonton yang telah lengkap divaksin serta kapasiti penonton 70% ruang premis. <p>II. Aktiviti panggung wayang dibenarkan dengan syarat semua pekerja dan penonton telah lengkap divaksin dengan kapasiti 80% ruang dewan tayangan pawagam.</p>	<p>8.00 pagi hingga 12.00 malam</p>
25.	<p>Latihan Pemanduan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Institit Memandu dibenarkan beroperasi dengan syarat pekerja, tenaga pengajar dan calon telah lengkap menerima vaksin lengkap dengan mengemukakan kad/ sijil vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian. ii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja. 	<p>SEPERTI BIASA</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
26.	<p>Aktiviti Pelancongan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Aktiviti pelancongan hanya dibenarkan dalam negeri yang sama sahaja yang melibatkan hotel dan homestay. ii. Tetamu yang telah lengkap divaksinasi dibenarkan untuk melakukan aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 ketika mendaftar masuk. iii. Pengusaha hotel dan homestay perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis mesti menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan individu tersebut telah divaksin lengkap. iv. Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun dan ke bawah untuk aktiviti pelancongan di hotel dan homestay dengan mematuhi protokol kesihatan umum. v. Kunjungan secara janji temu bagi pengunjung yang telah lengkap divaksin ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat/ Kampung Seni Warisan Budaya pentas persembahan budaya dibenarkan dengan kapasiti 50% di ruang premis. vi. Gelembung pelancongan di Pulau Langkawi dibenarkan kepada pelancong yang telah lengkap vaksin dengan mematuhi SOP Gelembung Pelancongan Domestik Pulau Langkawi. vii. Pusat/premis/produk pelancongan seperti zoo, perladangan, akuarium, snorkeling, selam skuba, pelancongan memancing dan taman rimba dibenarkan beroperasi tertakluk SOP Kementerian/Jabatan berkaitan dan dengan syarat semua pengusaha/operator dan pelawat/pengunjung lengkap divaksin. viii. Taman tema dan pusat hiburan keluarga dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pengunjung 50% ruang premis dengan syarat pengusaha/operator, pekerja dan pelanggan telah lengkap divaksin. 	SEPERTI BIASA
27.	<p>Majlis rasmi Kerajaan dan swasta termasuklah perasmian dan sebagainya dengan syarat :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pihak penganjur dan peserta mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala. ii. Individu yang belum divaksin perlu menjalani pre-event test menggunakan kit ujian sendiri (saliva) sebelum hadir disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan. iii. Hanya melibatkan 50% kapasiti ruang premis/ dewan/ tempat. iv. Penyediaan makanan adalah secara packed food. 	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
28.	<p>Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pihak penganjur dan peserta mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala. ii. Individu yang belum divaksin perlu menjalani <i>pre-event</i> test menggunakan kit ujian sendiri (<i>saliva</i>) sebelum hadir disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan. iii. Hanya melibatkan 50% kapasiti ruang premis/ dewan/ tempat. iv. Penyediaan makanan adalah secara packed food. 	SEPERTI BIASA
29.	<p>Spa, Pusat Kesihatan (Wellness) dan Urut Kesihatan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Operasi perniagaan spa, pusat kesihatan (wellness) dan urut kesihatan dibenarkan kepada pengunjung dan operator yang telah lengkap divaksin. ii. Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala. iii. Hanya membenarkan pelanggan yang ada janji temu sahaja. <i>Walk-in tidak dibenarkan</i>. iv. Memakai sarung tangan (jenis pakai buang), pelitup muka, dan face shield semasa menjalankan aktiviti. v. Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil atau tilam atau kerusi) dan menyuci hama peralatan termasuk <i>face shield</i>) bagi setiap pelanggan. vi. Memastikan sistem pengudaraan diselenggara mengikut jadual. <p>Pemantauan oleh MOTAC juga akan dilakukan termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pengusaha SPA perlu mengisytiharkan jumlah pekerja telah lengkap vaksin dan diserahkan pada MOTAC sebelum dibenarkan beroperasi. ii. Program Kendiri Pematuhan SOP terutamanya ventilasi dalam premis. iii. Pemeriksaan pemantauan secara spot check dan berkala dilakukan oleh MOTAC. iv. Saringan ujian pengesanan COVID-19 ke atas pekerja yang bergejala. 	8.00 pagi hingga 12.00 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
30.	Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="159 268 922 415">i. Semua institusi pendidikan swasta kategori pusat seperti Pusat Tuisyen, Pusat Bahasa, Pusat Kemahiran, Pusat Latihan, Pusat Perkembangan Minda dan pusat-pusat lain yang berdaftar bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beroperasi secara bersemuka dengan penggiliran 50% kapasiti kelas. <li data-bbox="159 443 922 611">ii. Pembukaan semula semua sekolah bawah KPM dan institusi pendidikan yang berdaftar bawah KPM bagi menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka adalah tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. <li data-bbox="159 638 922 701">iii. Sektor latihan kemahiran dan pusat latihan industri termasuk kolej vokasional, TVET dan sebagainya dibenarkan beroperasi. <li data-bbox="159 728 922 812">iv. Sekolah selain di bawah KPM, pusat tahfiz dan institusi-institusi pendidikan lain adalah tertakluk kepada Kementerian/Agensi yang berkaitan. 	SEPERTI BIASA
31.	Mesyuarat <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="159 936 922 1041">i. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan hanya kepada individu yang telah lengkap vaksin dengan 50% kapasiti ruang bilik mesyuarat. Bagi individu yang belum lengkap divaksin hendaklah mengikuti mesyuarat secara sidang video. <li data-bbox="159 1073 922 1104">ii. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video 	SEPERTI BIASA

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

BIL	JENIS PERNIAGAAN/ AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Kelab malam/pub/kasino	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI
2.	<p>Aktiviti Sosial:</p> <p>i. Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial.</p> <p>ii. Aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> secara bersemuka.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI
3.	<p>Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan</p> <p>i. Aktiviti pelancongan ke luar negeri.</p> <p>ii. Aktiviti pelancongan rentas daerah bagi individu yang belum lengkap divaksinasi.</p> <p>iii. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI
4.	<p>Aktiviti Sukan dan Rekreasi</p> <p>i. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan melebihi kapasiti yang ditetapkan.</p> <p>ii. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan kecuali anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League - MFL) dan mana-mana dengan kebenaran khas KBS sahaja.</p> <p>iii. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa kecuali mendapat kebenaran PDRM.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i. Pemegang lesen dan pemilik premis diwajibkan menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.
- ii. Hand sanitizer disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.
- iii. Penggunaan aplikasi MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).
- iv. Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan *check in* premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.
- v. Majikan, pekerja, pelanggan dan pengunjung diwajibkan *check in* MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon yang boleh dibaca (sekiranya tiada liputan internet) sebelum memasuki premis termasuk di pejabat Kerajaan, swasta dan persendirian.
- vi. Bagi kompleks membeli belah, pasar raya atau departmental store, pelanggan hanya perlu menjalankan imbasan suhu badan sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.
- vii. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah tidak dibenarkan memasuki kompleks dan premis.
- viii. Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu memastikan hanya pelanggan dengan status "*Low Risk*" termasuk "*Casual Contact Low Risk*" dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing.
- ix. Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- x. Individu yang berumur 18 tahun dan ke bawah tidak digalakkan untuk berada di tempat dan kemudahan awam.
- xi. Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dalam sesuatu masa.
- xii. Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa. Penggunaan sistem nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.
- xiii. Semua pemilik bangunan perlu menyediakan Kod QR di setiap aras.
- xiv. Pekerja, pembekal dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.
- xv. Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

- xvi. Melaksanakan lain-lain arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi setiap sektor yang dibenarkan dalam tempohPPN berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN atau Kemeterian/Agensi berkaitan.
- xvii. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh KKM dari semasa ke semasa.

Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan dan perindustrian di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang hendaklah mematuhi perintah ini mulai **8 Oktober 2021** sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kerajaan selaras dengan peruntukan bidangkuasa MajlisPerbandaran Kluang di bawah **Seksyen 72(1) (f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**. Notis pemakluman yang disiarkan terdahulu adalah dengan ini terbatal.

Terima kasih.

Dengan Perintah,

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
7 Oktober 2021**